

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KUALA TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

**DI DALAM PERKARA KESALAHAN JENAYAH SYARIAH
ORANG LELAKI BERLAGAK PEREMPUAN
DI BAWAH SEKSYEN 33 ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH
(TAKZIR) TERENGGANU 2001**

KES JENAYAH NO :11005-159-XXXX-2014

ANTARA

**KETUA PENDAKWA
SYAR'IE
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH
NEGERI TERENGGANU**

PENDAKWA

LAWAN

**XYZ
(OKT)
KP :930808-11-XXXX**

ORANG KENA TUDUH

**DI HADAPAN TUAN HAKIM
TUAN HAJI MOHD FAKHRUDDIN BIN YUSOF
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH KUALA TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI : SELASA 21 SYAWAL, 1437H
BERSAMAAN : 26 JULAI, 2016**

TUDUHAN ke atas **XYZ,KP : 930808-11-XXXX ORANG KENA TUDUH**, telah didengar di dalam mahkamah terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu dalam kehadiran Pendakwa Syar'ie dari Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu Mohd Azlam Bin Md Noor dengan kehadiran Orang Kena Tuduh yang hadir secara bersendirian, **DAN PADA HARI INI TUAN HAKIM MEMBUAT ALASAN PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT :**

Kes yang disebut dan didengar di hadapan Saya ini ialah Tuduhan ***Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*** di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen dan Enakmen yang sama iaitu boleh didenda

tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Orang Kena Tuduh bernama **XYZ, KP : 930808-11-XXXX**.

{ BIDANG KUASA MAHKAMAH } - mengikut Hukum Syara' dan Undang-undang

Mahkamah menegaskan bahawa perbuatan *Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan* adalah suatu perbuatan mungkar yang diharamkan dalam agama Islam dan asas utama pengharaman perbuatan tersebut adalah nas-nas dari al-Hadis yang merupakan nas-nas yang *qati'ah*. Antaranya dari al-Bukhari, Abu Daud dan at-Tirmizi telah meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas, bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda yang berbunyi ;


لعن الله المختنثين من الرجال , والمترجلات من النساء. و في لفظ عند أحمد وأبي داود وابن ماجه : لعن الله المتشبهات من النساء بالرجال , والمتشبهين من الرجال بالنساء

Maksudnya ;

“Tuhan telah melaknati si pondan dari lelaki, dan si wanita yang berlagak gaya lelaki. ”Dan dalam lafaz lain daripada Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Majah : “Allah telah melaknati perempuan yang berlagak lelaki, dan si lelaki yang berlagak perempuan”.

Mahkamah berpendapat sebarang pendakwaan yang dikemukakan kepada Mahkamah dalam apa-apa jua pertuduhan adalah termasuk dalam kategori amar makruf dan nahi mungkar. Ini kerana misi utama manusia diutus ke muka bumi ialah untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk memakmurkan alam ini. Mekanisme penting dalam memakmurkan alam ini ialah dengan melaksanakan tanggungjawab amar makruf dan nahi mungkar. Kemakmuran hakiki akan wujud bila mana semua manusia tunduk kepada kekuasaan Allah S.W.T dan beribadah hanya kepadaNYA. Hakikat kekhalifahan pula akan muncul bilamana lahir sistem pemerintahan bernegara.

Asas pensyariatian prinsip amar makruf dan nahi mungkar ini ialah nas-nas dari al-Qur'an dan al-Sunnah di samping Ijmak, sebagaimana firman Allah S.W.T antaranya di dalam surah Ali-Imran ayat 110 yang berbunyi ;



Maksudnya :

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada semua perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).....”

Bidangkuasa Mahkamah adalah amat penting untuk diambil perhatian kerana isu bidangkuasa satu-satu Mahkamah juga sebenarnya telah lama disentuh oleh perundangan Islam atau Hukum Syara’ dan sebenarnya telah menjadi sebahagian dari Hukum Syara’ itu sendiri. Antaranya sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *al-Qada’ fi Islam*, terbitan Matba’ah al-^oAlamiyyah, Kaherah, 1994, yang mana pada halaman 54 beliau menyebut ;

هو أن يخص ولي الأمر القاضي عند تقليده القضاء أو بعد ذلك بنوع معين من القضايا ، كالأحوال الشخصية ، أو المدني ، أو التجارى ، أو الجنائي الى غير ذلك ، فلا يصح له أن ينظر في نوع آخر غير

Yang bererti :

“Bidang kuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhususkan bidang kuasa ke atas seseorang hakim semasa perlantikan hakim itu atau selepas perlantikan di buat dengan menentukan bahawa hakim itu mempunyai bidang kuasa tertentu sahaja seperti diberi bidang kuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; Oleh yang demikian, Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang ianya diberi bidang kuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa yang tidak diberi kepadanya.

Kes Kesalahan Oang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan yang dibawa di hadapan Saya ini mengikut undang-undang adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bidang kuasa asal dan juga Mahkamah Rendah Syariah dan dikategorikan sebagai kes *“kesalahan boleh tangkap”*. Perkara ini telah diperuntukkan di dalam seksyen 11 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 dan hendaklah dibaca bersama dengan seksyen 12 Enakmen yang sama.

Subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

- (a) Dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam dan boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Subseksyen 12 (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Rendah Syariah hendaklah –

- (a) Dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang orang Islam di bawah Enakmen ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam **yang baginya hukuman maksimum yang diperuntukkan oleh Enakmen atau mana-mana undang-undang bertulis itu tidak melebihi tiga ribu ringgit, atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya, dan boleh mengenakan mana-mana hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.**

Seterusnya, berkenaan dengan kesalahan Lelaki berlagak seperti perempuan pula, Enakmen kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) Bil. 7/2001 telah memperuntukkan perbuatan tersebut sebagai satu kesalahan di bawah seksyen 33 yang berbunyi ;

Seksyen 33. Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan

33. Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas

tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Mengikut undang-undang, kesalahan yang diperuntukkan di bawah Bidangkuasa Jenayah Syariah dibahagikan kepada dua jenis iaitu "*kesalahan boleh tangkap*" dan "*kesalahan tak boleh tangkap*". Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001, Enakmen Terengganu Bil. 5 Tahun 2001 sebagaimana diperuntukkan di dalam subseksyen 2 (1) telah memberikan tafsiran berkanun mengenai kedua-dua jenis kesalahan tersebut iaitu ;

"Kesalahan Boleh Tangkap"; iaitu **sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih** yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Syariah atau Pegawai Polis boleh menangkap tanpa waran. Manakala "**Kesalahan Tak Boleh Tangkap**"; iaitu sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda sahaja yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Syariah atau Pegawai Polis tidak boleh menangkap tanpa waran.

Mengikut peruntukan ini, Saya berpuashati bahawa kes yang disebut dan didengar di hadapan Saya ini adalah kes yang diklasifikasikan sebagai *kes kesalahan boleh tangkap* kerana kesalahan di bawah seksyen 33 ini memperuntukkan hukuman penjara maksima tidak melebihi 1 tahun, iaitu termasuk dalam maksud ayat **"...boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih..."**.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas tadi, kesalahan di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 ini, jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen dan Enakmen yang sama iaitu boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Dari peruntukan Enakmen Terengganu Bil.3 Tahun 2001 dan Enakmen Terengganu Bil. 7 Tahun 2001 itu, jelaslah bahawa kes yang dibawa di hadapan Saya ini adalah kes di bawah

bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu sebagai bidangkuasa asal dan Mahkamah Rendah Syariah juga mempunyai bidangkuasa untuk mendengarnya.

Seterusnya, oleh kerana penubuhan Mahkamah Rendah Syariah adalah diasaskan kepada had sempadan daerah di mana Mahkamah Rendah Syariah itu diwujudkan, terdapat satu peruntukan yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah tersebut bersesuaian dengan penubuhannya yang berdasarkan kepada batasan sempadan daerah itu sendiri.

Seksyen 67 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

(67) Tiap-tiap kesalahan hendaklah pada lazimnya dibicarakan oleh Mahkamah yang di dalam had bidang kuasa tempatannya kesalahan itu dilakukan.

Di dalam versi Inggerisnya,

“Every offence shall ordinarily be tried by a court within the local limits of jurisdiction it was committed”.

Perkataan *“shall ordinarily”* dimaksudkan sebagai *“hendaklah pada lazimnya”* yang membawa erti mesti dibicarakan ditempat di mana kesalahan itu dilakukan dan tidak boleh di tempat yang selain itu.

Oleh kerana itu, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu ini ditubuhkan di dalam daerah Kuala Terengganu dan hanya mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes-kes kesalahan yang berlaku dalam sempadan daerah Kuala Terengganu sahaja dan tidak berbidangkuasa untuk mendengar mana-mana kes kesalahan yang dilakukan di luar dari sempadan daerah Kuala Terengganu. Keadaan ini berbeza dengan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu yang mana bidangkuasanya adalah merangkumi seluruh kawasan dan melangkau sempadan seluruh daerah negeri Terengganu dan juga mempunyai bidangkuasa asal Mahkamah itu sendiri sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Berdasarkan pertuduhan yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa, Saya berpuashati bahawa kesalahan yang dilakukan oleh OKT ini adalah dilakukan di

sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu iaitu di dalam sempadan daerah Kuala Terengganu. ***Oleh itu, Saya berpuashati dan berpendapat bahawa kes yang dibawa ke hadapan saya ini adalah kes di bawah bidangkuasa Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu dan Mahkamah ini adalah berbidangkuasa untuk mendengarnya.***

{ FAKTA KES – TANGKAPAN KE ATAS OKT }

Pertuduhan kes yang disebut dan didengar di hadapan Saya ini iaitu tuduhan ke atas OKT,XYZ, KP :930808-11-XXXX, bahawa OKT melakukan Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Perempuan. OKT dituduh telah melakukan kesalahan Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Perempuan pada tarikh 17.8.2014 lebih kurang jam 11.30 malam, bertempat di di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan jika disabitkan, boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 tersebut, iaitu boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau dihukum dengan kedua-dua hukuman itu. Berikut adalah kata-kata tuduhan ke atas OKT ;

(KATA-KATA TUDUHAN KE ATAS OKT)

“ Bahawa kamu, pada tarikh 17.8.2014, jam lebih kurang 11.30 malam, bertempat di tempat awam iaitu di kawasan Flat S.P Petani, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu, Terengganu telah didapati memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan atas tujuan yang tidak bermoral. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan Orang Lelaki Berlagak Perempuan di bawah Seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama “.

Mengikut undang-undang, tidak terdapat tafsiran secara spesifik yang diperuntukkan di dalam subseksyen 2 (1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 tentang kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan. Walaupun begitu, Seksyen 33 Enakmen yang sama ada memperuntukkan dan

menghuraikan tentang kesalahan tersebut serta memperincikan unsur atau elemen kesalahan itu sendiri. Oleh itu, di sini Saya cuba membuat pentafsiran maksud kesalahan tersebut mengikut Undang-undang dan Hukum Syara' serta unsur-unsur yang diperlukan untuk membolehkan kesalahan itu disabitkan ke atas mana-mana OKT yang dituduh di bawah seksyen tersebut. Seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) Bil. 7/2001 adalah berbunyi seperti berikut ;

Seksyen 33. Orang lelaki Berlagak Seperti Perempuan

33. Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

{ MAKSUD KESALAHAN }- (*Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*)

Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Ketiga (2014) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur ;

“**Orang**” - manusia itu sendiri (sebagai peribadi).

“**Lelaki**” – laki-laki iaitu merujuk kepada jantina manusia seorang lelaki.

“**Berlagak**” – melakukan diri seperti, berlaku seperti (merujuk kepada gaya dan tingkahlaku).

“**Seperti**” – sama (serupa) dengan, sebagai, semacam, seolah-olah, macam.

“**Perempuan**” – Wanita, Lawan laki-laki.

Berdasarkan kepada pengertian secara *harfiyyah* kesalahan sebagaimana di atas, Mahkamah membuat huraian berhubung dengan beberapa ayat dalam peruntukan seksyen 33 tersebut iaitu ;

Peruntukan ayat “***Mana-mana orang lelaki...***” memberi maksud mana-mana individu atau manusia yang jantainya adalah seorang lelaki.

Seterusnya, ayat “***...yang memakai pakaian perempuan...***” memberi maksud mengenakan pakaian atau berpakaian dengan pakaian orang perempuan. Pakaian perempuan adalah pakaian yang pada lazimnya dipakai oleh orang perempuan atau

memang telah diketahui umum bahawa pakaian itu adalah untuk pakaian orang perempuan mengikut adat atau ^curuf setempat seperti baju kurung, *blause*, skirt, tudung, coli dan sebagainya.

Manakala ayat “**...dan berlagak seperti perempuan...**” memberi maksud melakukan diri atau memperlakukan diri seperti dirinya seorang perempuan.

Seterusnya ayat “**...di mana-mana tempat awam...**” memberi maksud tempat yang terbuka kepada semua orang (tidak terkhusus atau teristimewa untuk golongan tertentu dan sebagainya).

Seterusnya ayat “**...atas tujuan yang tidak bermoral...**” memberi maksud di atas tujuan atau matlamat yang tidak berakhlak, sangat buruk, atau bertentangan dengan ciri-ciri akhlak yang dianggap baik mengikut ^curuf semasa setempat dan Hukum Syara’.

Berdasarkan kepada pengertian literal perkataan-perkataan dan ungkapan tersebut di atas, saya berpendapat bahawa, maksud terminologi kepada *Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan* sebagai, “**Suatu tindakan (action) seseorang yang berjantina lelaki mengenakan pakaian atau berpakaian seorang perempuan dan menonjolkan perilaku serta gerak-geri sebagai seseorang yang berjantina perempuan dan dilakukan di tempat-tempat awam serta atas maksud atau tujuan yang tidak bermoral**’.

Di dalam penghakiman ini, Mahkamah ingin menegaskan bahawa berdasarkan Hukum Syara’ perbuatan orang lelaki menyerupai perempuan sama ada dalam berpakaian atau pun lagak perbuatan atau tingkah lakunya, adalah suatu perbuatan yang mungkar dan termasuk dalam dosa-dosa besar. Walaupun begitu, bagi menjadikan perbuatan tersebut sabit sebagai satu kesalahan di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu 2001 dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama, beberapa elemen khusus kesalahan dimasukkan dan hendaklah dibuktikan wujud sebagaimana yang dinyatakan di dalam seksyen itu.

{ ELEMEN-ELEMEN UTAMA KESALAHAN }

Pada pendapat Saya, terdapat lima (5) unsur utama yang perlu dijelaskan dalam kesalahan ini iaitu ;

1. *Adakah jantina sebenar OKT adalah lelaki? ;*
2. *Apakah wujud keadaan OKT dalam keadaan berpakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan ketika tangkapan?;*
3. *Di manakah lokasi berlaku perbuatan memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan?;*
4. *Adakah wujud hal keadaan bahawa OKT yang sedang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di tempat awam itu untuk tujuan yang tidak bermoral?;*
5. *Niat jenayah oleh OKT.*

Berikut adalah fakta-fakta ringkas kes OKT yang telah dikemukakan oleh pihak Pendakwa dan telah diakui oleh oleh OKT iaitu :-

Bertindak di atas maklumat yang diterima, satu siasatan telah dilakukan oleh pengadu dan rakan setugas pada 17.8.2014 jam lebih kurang 11.30 malam di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu. Ketika sampai di tempat kejadian, pengadu mendapati ada dua orang lelaki yang berlagak seperti perempuan berada di kawasan tersebut. Pengadu bertindak menghampiri lelaki tersebut dan menahan salah seorang daripada mereka manakala seorang lagi bertindak melarikan diri. Pengadu memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa. Ketika ditahan lelaki tersebut dalam keadaan memakai baju tiub paras peha dan muka dalam keadaan bersolek. Setelah disoal siasat lelaki tersebut mengaku sebagai seorang yang beragama Islam.

Keterangan diri tertuduh adalah seperti berikut:-

Nama Lelaki : XYZ
KPT : 930808-11-XXXX
Umur : 21 tahun

Alamat : No. XXX A, Kg XXX, 21200 Kuala Terengganu, Terengganu

Pekerjaan : Butik Baju (Tesco Plentong)

Status : Belum Berkahwin

Seterusnya pihak Pendakwa telah mengemukakan *barang-barang kes* iaitu 6 barang kes milik OKT yang dirampas ketika tangkapan. Barang kes milik OKT iaitu ;

- | | | |
|---------------------------------------------------------|---|----|
| 1. 1 sehelai coli, warna hitam | - | P2 |
| 2. 1 sehelai skirt, warna biru | - | P3 |
| 3. 1 sehelai seluar dalam lelaki, berwarna ungu | - | P4 |
| 4. 1 sehelai baju tiub, berwarna merah | - | P5 |
| 5. 2 keping pelapik punggung, berwarna hitam | - | P6 |
| 6. 1 helai seluar dalam wanita, berwarna berbelang pink | - | P7 |

Kesemua barang kes tersebut di atas telah dibuat pengecaman oleh OKT dan telah diakui benar bahawa barang-barang itu adalah milik OKT.

Mahkamah melihat kepada ***Elemen Pertama Kesalahan*** yang perlu dijelaskan iaitu, ***Adakah jantina sebenar OKT adalah lelaki?*** Menjawab kepada elemen ini, di dalam fakta pertuduhan, dikatakan bahawa OKT adalah memiliki jantina sebagai seorang lelaki berdasarkan kepada catatan yang dinyatakan di dalam Kad Pengenalan OKT yang dikemukakan kepada Mahkamah, yang tertulis dengan jelas bahawa pemiliknya adalah LELAKI. Mahkamah juga dapati, sepanjang prosiding kes ini berjalan, tidak ditimbulkan sebarang bantahan atau keraguan berhubung status OKT yang mana jantina mereka bukan lelaki, dan OKT telah membuat pengakuan mengenai fakta ini. Sekiranya ada apa-apa bantahan dari OKT berhubung dengan status jantinya, satu testimoni perubatan yang disahkan oleh pakar perubatan perlu dikemukakan ke Mahkamah. Oleh itu, di atas pengakuan OKT, ***Saya berpuashati bahawa OKT adalah memiliki jantina sebagai seorang lelaki dan adalah seorang lelaki dan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Pertama bagi kesalahan ini.***

Seterusnya, ***Elemen Kedua Kesalahan*** dalam pertuduhan ini mengikut pendapat saya ialah, ***Apakah wujud keadaan OKT dalam keadaan berpakaian perempuan***

dan berlagak seperti perempuan ketika tangkapan? Dalam pertuduhan, OKT dituduh pada tarikh 17.8.2014 lebih kurang jam 11.30 malam, di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, telah didapati melakukan Kesalahan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan.

Dan, di dalam fakta ringkas yang dikemukakan di dalam Mahkamah ini oleh Pegawai Pendakwa Syarie menyebut bahawa OKT telah mengaku melakukan perbuatan sebagaimana pertuduhan tersebut semasa tangkapan dibuat ke atas OKT. Fakta-fakta ini diakui oleh OKT di dalam Mahkamah ini pada hari ini dan pengakuan OKT itu tidak meragukan Mahkamah. Berikut petikan-petikan dari fakta kes (P1) yang telah diakui benar oleh OKT berkaitan dengan **Elemen Kedua Kesalahan** ini iaitu ;

“.....Ketika sampai di tempat kejadian, pengadu mendapati ada dua orang lelaki yang berlagak seperti perempuan berada di kawasan tersebut. Pengadu bertindak menghampiri lelaki tersebut dan menahan salah seorang daripada mereka manakala seorang lagi bertindak melarikan diri. Pengadu memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa. Ketika ditahan lelaki tersebut dalam keadaan memakai baju tiub paras peha dan muka dalam keadaan bersolek. Setelah disoal siasat lelaki tersebut mengaku sebagai seorang yang beragama Islam.....”

Berdasarkan kepada Fakta Kes (P1) bagi OKT, antara unsur-unsur yang didapati dalam perbuatan yang dilakukan oleh OKT semasa ditangkap, yang boleh dianggap sebagai Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan iaitu ;

1. Keadaan pakaian OKT semasa tangkapan - iaitu didapati OKT ‘...ketika ditahan lelaki tersebut dalam keadaan memakai baju tiub paras peha dan muka dalam keadaan bersolek..’ Fakta tentang berpakaian perempuan tersebut disokong oleh banyak barang-barang kes yang dikemukakan kepada Mahkamah, yang mana barang-barang tersebut merupakan pakaian perempuan atau aksesori pakaian serta perhiasan bagi perempuan. Keadaan tersebut menepati peruntukan dalam seksyen 33 itu yang menyatakan, “....mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan....”.

2. Keadaan perlakuan dan aksi OKT semasa tangkapan - iaitu didapati OKT adalah orang lelaki dan pada masa kejadian itu *berada di dalam keadaan berlagak seperti orang perempuan, dari segi tingkahlaku perbuatan serta gerak-geri dan juga dengan berpakaian pakaian orang perempuan dan mengenakan solekan seperti wajah orang perempuan*. Keadaan tersebut menepati peruntukan dalam seksyen 33 itu yang menyatakan “*....mana-mana orang lelaki...dan berlagak seperti perempuan....*”

Berdasarkan kepada 2 unsur yang dinyatakan tersebut yang wujud dalam perlakuan dan perbuatan OKT semasa ditangkap dan melalui pengakuan OKT sendiri secara sukarela, ***Saya berpuashati dan berpendapat bahawa kedua-dua keadaan pada perkara 1 dan 2 tersebut telah menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan OKT dalam keadaan sedemikian adalah sebenarnya suatu perbuatan orang lelaki memakai pakaian perempuan dan juga berlagak seperti perempuan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Kedua Kesalahan ini***. Keadaan perlakuan dan perlakuan OKT itu telah menjadi satu *qarinah* atau fakta yang berkaitan yang menunjukkan kepada wujudnya perbuatan tersebut dengan sebenarnya.

Seterusnya, ***Elemen Ketiga Kesalahan*** dalam pertuduhan ini mengikut pendapat saya ialah, ***Di manakah Lokasi berlaku perbuatan memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan?***. Berdasarkan kepada petikan fakta kes (P1) yang telah diakui benar oleh OKT iaitu;

“.....Bertindak di atas maklumat yang diterima, satu siasatan telah dilakukan oleh pengadu dan rakan setugas pada 17.8.2014 jam lebih kurang 11.30 malam di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu...”

Mahkamah berpuashati bahawa perbuatan memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan yang dilakukan oleh OKT itu dilakukan sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, iaitu suatu tempat awam yang merupakan tempat umum dan lapangan awam yang boleh dilihat oleh masyarakat sekitarnya atau orang ramai yang melalui kawasan tersebut. ***Oleh itu, saya berpuashati bahawa tempat dimana perbuatan memakai pakaian***

perempuan dan berlagak seperti perempuan itu dilakukan adalah merupakan tempat awam dan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Ketiga bagi kesalahan dalam kes ini.

Seterusnya, **Elemen Keempat Kesalahan** dalam pertuduhan ini mengikut pendapat saya, ***Adakah wujud hal keadaan bahawa OKT yang sedang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di tempat awam itu untuk tujuan yang tidak bermoral?***. Berdasarkan kepada petikan fakta kes (P1) yang telah diakui benar oleh OKT iaitu ;

“.....Ketika sampai di tempat kejadian, pengadu mendapati ada dua orang lelaki yang berlagak seperti perempuan berada di kawasan tersebut.Pengadu bertindak menghampiri lelaki tersebut dan menahan salah seorang daripada mereka manakala seorang lagi bertindak melarikan diri.Pengadu memperkenalkan diri dan menunjukkan kad kuasa. Ketika ditahan lelaki tersebut dalam keadaan memakai baju tiub paras peha dan muka dalam keadaan bersolek..”

Berdasarkan kepada fakta kes tersebut, Mahkamah berpuashati bahawa perbuatan memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan yang dilakukan oleh OKT itu di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, dengan keadaan peragaan OKT di khalayak ramai dalam keadaan menghairahkan menunjukkan bahawa tindakan OKT dengan memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan adalah dengan ***tujuan yang tidak bermoral*** iaitu di atas tujuan atau matlamat yang tidak berakhlak, sangat buruk, atau bertentangan dengan ciri-ciri akhlak yang dianggap baik mengikut ‘uruf semasa setempat dan Hukum Syara’.

Oleh itu, di atas pengakuan OKT, ***Saya berpuashati bahawa perbuatan ,OKT memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan yang dilakukan di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, tersebut adalah di atas tujuan yang tidak bermoral dan sekaligus menjawab wujudnya Elemen Keempat bagi kesalahan dalam kes ini.***

Elemen Kelima Kesalahan yang perlu dijelaskan ialah, *niat jenayah oleh OKT tersebut semasa melakukan perbuatan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan?* Dalam sistem perundangan jenayah, prinsip amnya adalah seseorang itu tidak dikatakan bersalah terhadap sesuatu jenayah melainkan dibuktikan kesalahannya tanpa sebarang keraguan yang munasabah (*beyond reasonable doubt*). Prinsip ini disebut di dalam bahasa Latin sebagai "*actus non facit reum nisi mens sit rea*". Ianya bermaksud, bahawa sesuatu tindakan itu tidak akan menjadikan seseorang itu bersalah kerana melakukan sesuatu jenayah melainkan di dalam fikirannya itu juga turut mempunyai niat yang salah. Satu lagi prinsip penting dalam liabiliti kesalahan jenayah adalah *acta exteriora indicant interiora secreta* yang bererti setiap seorang itu dianggap berniat terhadap kesan biasa daripada tindakannya atau dalam ungkapan ringkas bermaksud "*perbuatan melambangkan niat*". Dalam perlakuan jenayah, kedua-dua unsur *mens rea* dan *actus reus* perlulah wujud secara serentak. Berdasarkan kepada elemen-elemen tersebut di atas juga, Saya berpuashati dan berpendapat bahawa dua unsur kesalahan mengikut prinsip perundangan jenayah Sivil "*mens rea*" iaitu *niat melakukan kesalahan* dan "*actus reus*" iaitu *perlakuan atau perbuatan salah* adalah wujud dalam perlakuan atau perbuatan OKT itu.

Mahkamah berpendapat bahawa kesempurnaan *Elemen Kelima* ini berlaku apabila seseorang itu *sengaja melakukan perbuatan lelaki berlagak seperti perempuan*, sedangkan dia mengetahui bahawa apa yang dilakukan olehnya itu adalah perkara yang diharamkan dalam agama Islam. Jika seseorang itu sengaja melakukan perbuatan tersebut sedangkan dia tidak mengetahui tentang hukum haramnya, maka dia tidak akan dikenakan pembalasan atas perbuatan berlagak seperti perempuan yang dilakukan kerana di dalam tindakannya itu tidak terdapat sifat sengaja walaupun berpunca dari kecuaiannya. Namun, Mahkamah berpendapat suatu perkara yang amat pelik jika ada mana-mana orang yang dilahirkan, dibesarkan dan tinggal di dalam negeri Terengganu ini, yang mana hampir keseluruhan penduduknya adalah orang Melayu yang beragama Islam tidak tahu bahawa memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan itu hukumnya haram di sisi agama. Walaupun begitu, sekiranya ada dakwaan tidak tahu tentang hukum dibuat oleh mana-mana orang, suatu penyiasatan dan pembuktian yang wajar perlu dibuat.

Di dalam kes ini, Mahkamah juga melihat bahawa OKT adalah orang melayu yang beragama Islam dan beralamat di negeri Terengganu, OKT dengan secara sedar telah berada di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, tersebut dan memakai pakaian perempuan serta berlagak seperti perempuan, dan melakukan aktiviti yang dianggap tidak bermoral dan dalam keadaan berpakaian menjolok mata.

Oleh itu, berdasarkan kepada elemen yang dinyatakan tersebut yang wujud dalam perlakuan dan perbuatan OKT semasa ditangkap dan melalui pengakuan OKT sendiri secara sukarela di dalam Mahkamah, ***Saya berpuashati dan berpendapat bahawa kelima-lima elemen tersebut telah menunjukkan dengan jelas bahawa perbuatan OKT dalam keadaan sedemikian adalah sebenarnya mempunyai niat jenayah dan dengan sengaja melakukan Perbuatan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan.*** Keadaan perlakuan OKTitu telah menjadi satu *qarinah* atau fakta yang berkaitan yang menunjukkan kepada wujudnya perbuatan tersebut dengan sebenarnya.

{KATEGORI KESALAHAN ORANG LELAKI BERLAGAK SEPERTI PEREMPUAN MENGIKUT HUKUM SYARA’}

Mengikut ajaran Islam, terdapat tiga bentuk atau bahagian jenayah, iaitu qisas, hudud dan takzir. Setiap bahagian ada hukuman-hukumannya yang telah diberi panduan oleh Syarak dan dihuraikan oleh ulamak. Yang membezakan antara satu bahagian jenayah dengan jenayah yang lain ialah nas Syarak dan tafsiran ulamak mengenai dengannya. Hukuman ada kalanya dikenakan hudud, *qisas*, *kaffarah*, *diyah* atau takzir. Pembahagian sebegini disebut oleh Dato’ Dr. Monir bin Yaacob, dalam buku bertajuk, “*Tinjauan Kepada Perundangan Islam*” terbitan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), cetakan kedua 1996, halaman 81.

Berdasarkan fakta-fakta yang diakui oleh , OKT di dalam kes ini dan pertuduhan yang dikenakan ke atas , OKT, Saya berpendapat jenayah yang dibuat tuduhan ke atas OKT adalah jenayah takzir. Berkenaan dengan perkara Ta^czir, di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* di dalam bab kitab *al-Aysribah Fasl al- Ta^czir* halaman 522 jilid kelima ada dinyatakan nas-nas berikut ;

(يعزر في كل معصية لا حد لها ولا كفارة) سواء أكانت حقا لله تعالى أم لأدمي ، وسواء أكانت من مقدمات ما فيه حد كمباشرة أجنبية في غير الفرج ، وسرقة ما لا قطع فيه، والسب بما ليس بقذف أم لا كالتزوير وشهادة الزور والضرب بغير حق ونشوز المرأة ومنع الزوج حقها مع القدرة.

Terjemahannya ;

“Dikenakan hukuman ta’zir ke atas semua maksiat (kesalahan) yang tiada hukuman Hadd dan Kaffarah, sama ada kesalahan tersebut adalah Hak Allah atau hak manusia, sama ada kesalahan tersebut merupakan mukaddimah kepada kesalahan yang padanya hukuman Hadd seperti menggauli perempuan ajnabi selain dari faraj, mencuri sesuatu yang tidak dikenakan Hadd potong tangan, mencela sesuatu yang tidak termasuk dalam Qazaf seperti pemalsuan, kesaksian palsu, memukul secara tanpa hak, seorang suami tidak menunaikan hak isteri sedangkan dia adalah mampu”.

Seterusnya, di dalam kitab *al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuhu*, cetakan Dar Fikr, Damsyek, Syria, cetakan yang ketiga, 1409H/1989M, Juzuk Keenam, halaman 197 takzir ditakrifkan sebagai ;

وهو شرعا العقوبة المشروعة على معصية أو جناية لا حد فيها ولا كفارة سواء أكانت الجناية على حق الله تعالى كالأكل في نهار رمضان بغير عذر وترك الصلاة في رأي الجمهور والربا وطرح النجاسة ونحوها في طريق الناس ونحوها أم على حق العباد كمباشرة الأجنبية فيما دون الفرج وسرقة ما دون النصاب أو السرقة من غير حرز وخيانة الأمانة والشوة أو القذف بغير الزنى من أنواع السب والضرب والإيذاء بأي وجه مثل أن يقول الرجل لاخر يا فاسق يا خبيث يا سارق يا فاجر يا كافر يا اكل الربا يا شارب الخمر ونحوها

Yang bererti ;


“Dari segi syaraknya takzir diertikan sebagai pembalasan yang disyariatkan kerana sesuatu maksiat atau kesalahan jenayah yang tidak ada peruntukan pembalasan had dan kaffarah sama ada ia berkaitan dengan hak Allah atau hak manusia. Hak Allah seperti, makan pada siang hari dalam bulan Ramadhan tanpa uzur, meninggalkan sembahyang menurut Jumhur, mengamalkan riba, melempar najis dan seumpamanya di jalanan yang dilalui oleh manusia dan lain-lain lagi. Hak manusia pula seperti, bersenggama antara pasangan yang tidak bernikah selain pada kemaluan perempuan, mencuri barang pada kadar yang tidak cukup nisab (bagi dikenakan hukuman had), mencuri harta benda dalam

simpanan, mengkhianati amanah dan rasuah, melemparkan tuduhan melulu kepada seseorang selain tuduhan berzina yang terdiri daripada pelbagai jenis maki hamun, pukulan dan penghinaan dengan apa cara sekali pun. Umpamanya seseorang berkata kepada seseorang lain, “Wahai orang fasiq,” “Wahai pengotor,” “Wahai pencuri,” “Wahai kafir,” “Wahai orang jahat,” “Wahai pemakan riba,” “Wahai peminum arak,” dan sebagainya.”

Berdasarkan kepada 2 nas-nas Syara’ di atas, Saya berpuashati bahawa *Kesalahan Orang Lelaki Berlagak Perempuan* ini adalah jenayah dalam kategori takzir kerana tidak ada peruntukan pembalasan had dan kaffarah yang dikenakan ke atas pelaku perbuatan tersebut.

{ KAEDAH PENSABITAN KESALAHAN – PENGAKUAN SALAH OKT }

Sabitan di dalam kes OKT ini adalah berdasarkan *iqrar*. Saya berpendapat adalah perlu dijelaskan sabitan ke atas pertuduhan mengikut *iqrar* OKT. *Iqrar* adalah merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam Hukum Syara’. Tidak terdapat perselisihan pendapat di kalangan ahli-ahli perundangan Islam (*fuqaha’*) mengenainya. Ianya sabit berdasarkan nas al-Qur’an dan al-Sunnah. Antaranya firman Allah S.W.T. :



(sebahagian ayat 135 dari surah al-Nisa’)

Yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman ! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekali pun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu... “

Yang dimaksudkan dengan kesaksian ke atas diri kamu sendiri di dalam ayat di atas itulah *iqrar*. *Iqrar* mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang disebut oleh Zainuddin al-Malibariy dalam kitab *ʿanat al-Talibin*, yang mana selesai dikarang keseluruhannya pada 23 Syawal 1300, juzuk ketiga, halaman 187 ada menyebut ;

هو لغة الاثبات وشرعا اختيار الشخص بحق عليه ويسمى اعترافا

Yang bererti ;

“Iqrar dari segi bahasa bererti mensabitkan, manakala mengikut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang atas diri pemberitahu itu. Iqrar disebut juga sebagai iktiraf”.

Al-Shaykh Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Sharbini al-Khatib, meninggal dunia dalam tahun 977 Hijriyyah, di dalam kitabnya, *Mughni al-Muhtaj*, jilid kedua, pada halaman 238 menyebut ;

واركانها ربعة مقر ومقر له وصيغة ومقر به

Yang bererti ;

“Rukun iqrar itu ada empat perkara iaitu muqirrun (orang yang melafazkan iqrar), muqarrun lahu (orang/pihak yang diberikan iqrar untuknya oleh pembuat iqrar), sighah (ucapan atau kata-kata iqrar), dan muqirrun bihi (hak atau kepentingan yang diiktiraf oleh orang yang beriqrar).”

Seksyen 17, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan ;

- (1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang, secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- (2) Sesuatu *iqrar* hendaklah dibuat -
 - (a) di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau
 - (b) di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang *'aqil*, *baligh* dan *'adil*.
- (3) Sesuatu *iqrar* yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah *qarinah*.

Di dalam kes di hadapan Saya ini, sebelum Mahkamah boleh menerima apa-apa *iqrar* atau pengakuan salah dari OKT, unsur-unsur berikut bagi OKT hendaklah diberi pertimbangan ;

1. Setelah selesai Pegawai Mahkamah membaca kata-kata tuduhan ke atas OKT membuat pengakuan dengan jelas bahawa dia faham akan kata-kata

tuduhan yang telah dibacakan ke atas dirinya. Mahkamah mencelah sama ada pada ketika ini, OKT sihat atau tidak. OKT menjelaskan bahawa dia seorang yang sihat dan waras fikiran. Mahkamah mencelah lagi dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya. OKT menjelaskan bahawa dia dituduh telah melakukan satu kesalahan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa , OKT faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku faham akan kata-kata tuduhan ke atasnya itu.

Keadaan ini menunjukkan bahawa , OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syarie (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu *Kesalahan Bagi Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*) dengan sesuatu hak iaitu dituduh telah melakukan satu kesalahan itu. Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu pada 26 Julai 2016, dan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, iaitu Saya sendiri. Oleh yang demikian, Saya berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagai mana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan. ***Oleh yang demikian, pada peringkat kata-kata tuduhan, yang mengandungi butir-butir kesalahan, dibaca ke atas OKT, Saya berpuashati bahawa setiap OKT faham akan tuduhan yang dikenakan ke atasnya.***

2. Setelah Pegawai Mahkamah bertanya OKT sama ada; OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah. OKT dengan terang dan nyata mengaku salah. Mahkamah mencelah dengan meminta penjelasan daripada OKT, apakah yang dia faham mengenai mengaku salah ke atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya. OKT menjelaskan bahawa dia mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya bahawa dia telah dituduh melakukan satu *Kesalahan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*

Perempuan. Sekali lagi Mahkamah mencelah untuk memastikan bahawa OKT faham akan pengakuan salahnya itu, dan sekali lagi OKT dengan terang tanpa mengambil masa yang panjang mengaku bersalah di atas kata-kata tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu.

Keadaan ini menunjukkan bahawa , OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syarie (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu *Kesalahan Bagi Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*) dengan sesuatu hak iaitu dituduh telah melakukan satu kesalahan *Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*. Pengakuan secara lisan OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu pada 26 Julai 2016, dan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, iaitu Saya sendiri. Oleh yang demikian, Saya berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagai mana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan.

Oleh yang demikian, pada peringkat mendapat kepastian daripada OKT sama ada OKT tidak mengaku salah, atau minta dibicarakan atau mengaku salah dengan kata-kata tuduhan, yang mengandungi butir-butir kesalahan, dibaca ke atas OKT, ***Saya berpuashati bahawa , OKT mengaku salah di atas tuduhan yang telah dibacakan ke atasnya itu.***

- Setelah itu, Pegawai Mahkamah menjelaskan kepada OKT, bahawa atas pengakuan salahnya itu OKT boleh dikenakan hukuman didenda tidak melebihi RM 1,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau dihukum dengan kedua-dua hukuman itu sekali mengikut peruntukan di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. , OKT dengan terang membuat pengakuan bahawa dia tetap mengaku salah di atas tuduhan ke atasnya sebagaimana yang telah dibaca sebentar tadi. Mahkamah mencelah, sama ada OKT telah diugut oleh orang tertentu atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan

bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diugut oleh mana-mana pihak. Mahkamah sekali lagi mencelah, sama ada OKT telah diajar oleh orang tertentu, misalnya Pegawai Penguatkuasa atau oleh mana-mana pihak supaya membuat pengakuan bersalah ini. OKT menjelaskan kepada Mahkamah bahawa pengakuan bersalah yang dibuat olehnya ini adalah secara sukarela tanpa diajar supaya mengaku salah oleh mana-mana pihak.

Keadaan ini menunjukkan bahawa OKT telah membuat pengakuan secara lisan, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap Pemerintah melalui Pegawai Pendakwa Syarie (yang memperuntukkan melalui undang-undang bahawa adalah satu *Kesalahan Bagi Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*) dengan sesuatu hak iaitu dituduh dituduh telah melakukan satu kesalahan *Orang Lelaki Berlagak Seperti Perempuan*, yang mana boleh dikenakan hukuman didenda tidak melebihi RM 1,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau dihukum dengan kedua-dua hukuman itu sekali mengikut peruntukan di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Pengakuan bersalah yang dibuat oleh OKT ini adalah secara sukarela tanpa diajar supaya mengaku salah oleh mana-mana pihak. Pengakuan secara lisan kedua-dua OKT itu dibuat di dalam Mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu pada 26 Julai 2016, dan di hadapan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, iaitu Saya sendiri. Oleh yang demikian, Saya berpuashati bahawa rukun *iqrar* sebagaimana kehendak Hukum Syarak dan peruntukan seksyen 17 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 telah disempurnakan.

Iqrar yang dibuat oleh , OKT ini, pada pendapat Saya hendaklah diterima, kerana tidak ada alasan yang membolehkan *iqrar* itu tidak boleh diterima. *Iqrar* yang tidak boleh diterima mengikut Hukum Syarak telah pun *ditaqnin* di dalam undang-undang. Ianya adalah sebagaimana diperuntukkan di dalam seksyen 18 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu)

2001.Seksyen 18 Enakmen Terengganu Bil. 6 Tahun 2001 itu memperuntukkan;

- (1) *Iqrar* yang berikut tidak boleh diterima :
- (a) *iqrar* seseorang yang tidak 'aqil baligh;
 - (b) tertakluk kepada subseksyen (2), *iqrar* orang belum dewasa;
 - (c) *iqrar* orang gila atau orang terencat akal (*ma'tuh*);
 - (d) *iqrar* wali atau penjaga yang dibuat bagi pihak seseorang yang di bawah jagaan atau tanggungjawabnya;
 - (e) *iqrar* yang tidak dibuat secara sukarela; atau
 - (f) *iqrar* seseorang yang dihalang di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mentadbirkan hartanya (*Mahjur 'alaih*)

Mahkamah berpuashati bahawa OKT mengaku salah adalah secara sukarela, tanpa diugut dan tanpa diajar oleh mana-mana orang, di atas tuduhan yang dikenakan ke atasnya setelah diterangkan kepadanya akibat dari pengakuan salahnya.

Berkait dengan penerimaan *iqrar*, Saya merujuk satu kes yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Walaupun kes yang dirujuk ini adalah mengenai kes mal, iaitu mengenai mensabitkan perceraian, tetapi asas penerimaan *iqrar* ada dibangkitkan di dalam kes itu. Dalam kes *Mustafa bin Batcha lawan A. Habeeba* JH [1412], 255, Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan antara lain berpendapat ;

“Walaupun *iqrar* merupakan salah satu cara pembuktian yang terkuat dalam Hukum Syara' tetapi sebelum *iqrar* tersebut diterima ianya hendaklah dipastikan yang ianya dilakukan oleh orang yang berakal, *baligh* di dalam kebanyakan kes, *mumayyiz*, dilakukan secara sukarela, sedar, tanpa ugutan, desakan dan paksaan, bersungguh-sungguh dan tiada tohmah dalam perkara yang di *iqrarkan*. Dalam hubungan ini, Mahmasani menyatakan bahawa *iqrar* hendaklah dilakukan secara *mutlaq* tanpa syarat, ikatan atau kait mengait dengan perkara lain. Jika ianya dikaitkan dengan perkara lain dan tidak *mutlaq*

sebahagian ulama berpendapat bahawa *iqrar* tersebut tidak sah. (*Subhi al-Mahmasani, Falsafah al-Tasyri' fi al-Islam*, Dar al-Kasyaf, Beirut, tahun 1952, halaman 233).”

Setelah Mahkamah meminta pengakuan daripada OKT mengenai **Fakta-Fakta Ringkas Kes**, yang telah dikemukakan secara lisan oleh Pegawai Pendakwa Syarie, iaitu sama ada fakta-fakta ringkas kes yang telah dikemukakan itu benar, betul dan dipersetujui oleh OKT atau tidak. OKT dengan jelas membuat kenyataan bahawa fakta-fakta ringkas kes tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT serta diakui benar oleh OKT.

Sekali lagi OKT membuat *iqrar* mengakui bahawa **Fakta-Fakta Ringkas Kes** yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah benar, betul dan dipersetujui oleh OKT dan juga diakui benar oleh OKT.

Seterusnya, Mahkamah juga meminta pengakuan daripada OKT mengenai barang-barang kes yang melibatkan OKT (*barang kes OKT ditandakan sebagai P2 – P7*) yang telah dikemukakan oleh Pegawai Pendakwa Syarie, iaitu sama ada barang-barang kes yang telah dikemukakan itu adalah dicamkan benar, betul dan dipersetujui oleh OKT atau tidak. OKT dengan jelas membuat kenyataan bahawa barang-barang kes tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Syarie adalah dicamkan benar, betul dan dipersetujui oleh OKT serta diakui benar oleh OKT.

Setelah **Kelima-lima Elemen Kesalahan** ke atas setiap OKT sebagai mana di atas diberi pertimbangan oleh Mahkamah, Mahkamah berpuas hati mengenai perkara-perkara berikut:-

1. bahawa OKT faham pertuduhan ke atas dirinya ;
2. bahawa OKT faham keadaan dan akibat pengakuan salah yang dibuat oleh dirinya itu ;
3. bahawa pertuduhan ke atas OKT, ada diperuntukkan mengenai kesalahannya dari segi undang-undang ; dan

4. bahawa fakta-fakta ringkas kes yang dikemukakan oleh Pendakwa Syarie yang mana telah pun dipersetujui oleh OKT dan juga pengecaman barang-barang kes yang berkaitan dengan setiap OKT, menunjukkan ada terdapatnya kesalahan yang telah dilakukan oleh setiap OKT.

Justeru itu, berdasarkan kepada kesemua tatacara yang dilakukan di atas dalam mengambil pengakuan dari OKT, Mahkamah berpuashati dan merekodkan pengakuan OKT, dan dengan yang demikian, , OKT disabitkan atas kesalahan telah melakukan satu kesalahan *Orang lelaki Berlagak Seperti Perempuan* yang mana boleh dikenakan hukuman didenda tidak melebihi RM 1,000 atau dipenjarakan tidak melebihi satu tahun atau dihukum dengan kedua-dua hukuman itu sekali mengikut peruntukan di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 itu. Mahkamah berpuashati bahawa peruntukan subseksyen 96 (a) dan 96 (b) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 bagi proses bicara telah dipatuhi sepenuhnya.

{ FAKTOR PEMBERATAN DAN PERINGANAN HUKUMAN KE ATAS OKT }

Mengenai hukuman ke atas setiap OKT, Mahkamah mengambil kira beberapa faktor yang berkait dengan kesalahan OKT dan rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) OKT serta hujah Pegawai Pendakwa Syarie. Terdapat berbagai-bagai faktor yang perlu dan boleh diambilkira oleh Mahkamah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman ke atas mana-mana pesalah sama ada dengan meringankan hukuman atau memberatkannya. Faktor-faktor tersebut sama ada melibatkan jenis kesalahan itu sendiri dan tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan itu, latarbelakang dan keadaan diri pesalah, akibat kesalahan yang dilakukan kepada diri dan masyarakat, kepentingan umum, peluang yang boleh diberikan kepada pesalah untuk mengubah dan membaiki diri, kesalahan yang keberapa kali dan sebagainya.

Dalam soal ini, Mahkamah memetik kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abd Rahman (Mantan Ketua Hakim Syari'e Malaysia) yang telah memberikan beberapa garis panduan bagaimana pertimbangan peringanan hukuman dalam kes-kes Jenayah Syariah perlu dilakukan. Perkara itu dinyatakan oleh beliau dalam kertas kerja beliau bertajuk, "*Proses Penghakiman Dan*

Menjatuhkan Keputusan Di Mahkamah Syariah : Satu Penilaian", JH XIX/II (1426H) 189, halaman 199-200 iaitu ;

"Faktor-faktor memberatkan hukuman dan meringankan hukuman yang mana boleh diketahui semasa rayuan meringankan hukuman atau "mitigation". Biasanya sebelum hukuman dijatuhkan terutama dalam kes jenayah Syariah, Hakim Syari'e akan memerhatikan faktor yang memberatkan hukuman dan factor yang meringankan hukuman. Setelah kedua-dua faktor itu diambil kira dan ditimbang, barulah hukuman dijatuhkan. Secara tersurat, inilah asas pertimbangan Hakim-Hakim Syari'e sebelum hukuman dijatuhkan. Selalunya antara faktor yang boleh meringankan hukuman ialah pengakuan bersalah dan pernyataan taubat, pesalah bawah umur, rekod peribadi yang baik, kesan hukuman terhadap kesihatan pesalah dan kesalahan pertama kali dilakukannya. Manakala faktor-faktor yang boleh memberatkan hukuman pula ialah rekod buruk pesalah, taraf perkahwinannya, taraf pesalah di dalam masyarakat dan kedudukannya yang tinggi, kekerapan kesalahan dilakukan dan penggunaan kekerasan dan keganasan semasa melakukan kesalahan"

Mahkamah ini mengambilkira pandangan beliau tersebut dan menjadikannya sebagai salah satu panduan asas dalam membuat pertimbangan hukuman ke atas OKT.

{ RAYUAN PERINGANAN (MITIGATION) OLEH OKT }

Mahkamah semasa dalam prosiding kes berjalan dan sebelum sebarang hukuman dijatuhkan ke atas OKT, telah memberikan peluang kepada OKT membuat apa-apa rayuan peringanan terhadap hukuman yang akan dijatuhkan oleh Mahkamah. OKT membuat rayuan sebagaimana berikut ;

OKT (XYZ) membuat rayuan peringanan terhadap hukuman (MITIGATION)

1. Saya memohon rayuan agar hukuman diringankan ke atas saya.
2. Saya merupakan anak ke-4 daripada 5 orang adik beradik

3. Saya baru sahaja mendapat pekerjaan di Restoran Secret Resipe di Johor yang hanya berpendapatan RM900.00 sebulan.
4. Mengaku menyesal dan tidak akan mengulangi kesilapan ini lagi
5. Bapa OKT telah lama meninggal dunia.
6. Manakala ibu OKT hanya bekerja sebagai pengusaha kedai makan di Kuala Terengganu.
7. Tahu dan sedar ini adalah sabitan kali-2, OKT merayu agar tidak dikenakan hukuman penjara.

(Dalam pemerhatian Mahkamah OKT membuat rayuan secara biasa dan tidak kelihatan dengan jelas reaksi pengesahan atau tanda keinsafan dan penyesalan atas apa yang telah berlaku).

OKT ketika menjawab soalan Mahkamah secara *inquisitorial*, menyatakan bahawa tiada dari kalangan ahli keluarga OKT yang hadir sama ada ibu atau bapa, atau mana-mana ahli keluarga yang lain, berasal dari **No. XXX A, Kg XXX**, 21200 Kuala Terengganu, Kuala Terengganu.

Mahkamah dapati ibu OKT (juga mewakili sebagai penjamin kepada OKT, Che XXX Binti Che XXX, KP:600817-11-XXXX) hadir dan menyatakan bahawa memohon agar Mahkamah meringankan dan mempertimbangkan hukuman kepada anaknya kerana ia seorang yang masih mentah dan tidak matang dalam membuat tindakan. Memohon kepada Mahkamah agar diringankan hukuman. Ibunya menyatakan bahawa dia seorang pekerja kedai makan di Gong Badak dan terlalu sibuk bekerja manakala ayah OKT (suami kepada ibunya) telah lama bercerai dan menghilangkan diri. Punca OKT menjadi liar kerana kurang mendapat perhatian daripada ibu dan bapanya. Ibu OKT juga menyatakan bahawa dia menyesal atas kesilapan dan kegagalannya dalam menjaga OKT menjadi seorang insan yang baik.

FAKTOR-FAKTOR PEMBERATAN KES/HUKUMAN

Kesalahan yang dipertuduhkan ke atas OKT di dalam Mahkamah pada hari ini mengikut undang-undang adalah tuduhan *Melakukan Perbuatan Orang Lelaki Berlagak Perempuan* dan merupakan satu kesalahan takzir boleh dikenakan hukuman mengikut di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah

(Takzir) (Terengganu) 2001, iaitu boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Dan sabitan kesalahan ke atas OKT pula adalah melalui *iqrar* OKT. Di dalam kitab *al-Ta'zir fi al-Syar'ah al-Islamiyyah*, oleh Dr. °Abdul °Aziz Amir, pada halaman 52 menyebut ;

ويعرفها الفقهاء بأنها عقوبة غير مقدرّة تجب حقاً لله أو لأدمفكل معصية ليس فيها حد ولا كفارة وهو كالحدود في أنه تأديب استصلاح وزجر

Yang bermaksud :

“Fuqaha mentakrifkan takzir sebagai satu pembalasan yang tidak ditetapkan kadarnya, diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia, di dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had (hudud) dan kaffarah, mempunyai tujuan yang sama seperti pembalasan had (hudud), iaitu memberikan pengajaran (ta'dib), mengadakan pemulihan (islah) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (zajr)”.

FAKTOR PEMBERATAN PERTAMA : Mahkamah bersetuju dengan pandangan pihak Pendakwa Syari'e bahawa kesalahan yang dilakukan oleh , OKT adalah satu kesalahan yang berat dan amat-amat serius mengikut Hukum Syara'. Ini kerana perbuatan OKT berlagak seperti perempuan itu adalah termasuk dalam kategori salah satu dosa-dosa besar yang diharamkan dan amat dimurkai oleh Allah S.W.T. berdasarkan nas-nas dari al-Hadis yang merupakan nas-nas yang *qat'ie*. Antaranya dari al-Bukhari, Abu Daud dan at-Tirmizi telah meriwayatkan daripada Ibnu °Abbas, bahawasanya Rasulullah s.a.w telah bersabda yang berbunyi ;

لعن الله المختئين من الرجال , والمترجلات من النساء. و في لفظ عند أحمد وأبي داود وابن ماجه : لعن الله المتشبهات من النساء بالرجال , والمتشبهين من الرجال بالنساء

Maksudnya ;

“Tuhan telah melaknati si pondan dari lelaki, dan si wanita yang berlagak gaya lelaki.” Dan dalam lafaz lain daripada Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Majah : *“Allah telah melaknatisi perempuan yang berlagak lelaki, dan si lelaki yang berlagak perempuan”.*

Nabi s.a.w juga ada bersabda dalam sebuah Hadis yang sahih berbunyi ;

لعن الله المتشبهات من النساء بالرجال , والمتشبهين من الرجال بالنساء

Maksudnya ;

“Allah mengutuki wanita-wanita yang menyerupai lelaki dan lelaki-lelaki yang menyerupai wanita”. (Riwayat al-Bukhari)

Sebuah hadis lain daripada Abu Hurayrah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda ;


لعن الله المرأة تلبس لبسة الرجال , والرجال يلبس لبسة المرأة

Maksudnya :

“Allah mengutuk wanita yang memakai pakaian lelaki dan lelaki yang memakai pakaian wanita”. (Riwayat Ahmad)

Mahkamah ingin menarik perhatian kepada matan hadis-hadis di atas tadi iaitu yang menyebut dengan lafaz **"laknat"** yang mana ia berasal dari kosa kata bahasa Arab yang bermaksud *“kutukan atau azab”*. Lafaz *laknat* tersebut merupakan satu lafaz yang menunjukkan betapa murka dan marah serta benci kepada sesuatu perbuatan tersebut dan juga pelaku perbuatan itu. Lafaz **"laknat"** diterjemah daripada kalimat Allah, *la'ana* dan *la'nah* (لَعْنٌ - نَعْنَةٌ) di dalam al-Qur'an. Di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka pula, mendefinisikan perkataan **"laknat"** kepada, (1) Kemurkaan Allah dan jauh daripada petunjuk dan rahmat-Nya, Kutukan; (2) terkutuk, keji, hina, celaka. Manakala, frasa **"Laknatullah"** pula diertikan kepada *“dikutuk Allah atau azab Allah”*.

Lafaz **"laknat"** telah difirmankan oleh Allah S.W.T di dalam al-Qur'an dalam banyak tempat, dan biasanya digunakan dengan ditujukan kepada orang-orang kafir, orang yang engkar dan menentang agama Allah S.W.T seperti Iblis dan Syaitan, golongan ahlul kitab Yahudi dan Nasara dan sebagainya. Di antara firman-firman Allah S.W.T menyatakan sebutan lafaz laknat antaranya, firman Allah S.W.T di dalam surah *al-Baqarah* ayat 89 yang menceritakan tentang orang-orang yang ingkar kepada Allah yang berbunyi ;



Yang bermaksud :

“.....Setelah datang kepada mereka apa yang mereka mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Qur’an), mereka mengingkari-Nya. Maka (dengan yang demikian) **Laknat Allah** menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu”.

Di antaranya juga firman Allah S.W.T yang mengisahkan keadaan iblis yang telah dilaknat yang disebutkan lafaz “**laknat**”, di dalam surah al-Sodd ayat 77-78 yang berbunyi ;

﴿لَئِن لَّمْ يَنتَهِ عَنِ عِبَادَتِي نُغَسِّقْ رَءِيسَهُ فَيَتَدَلَّىٰ فِي سُحُوفٍ عُرَّةٍ أُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٧٧﴾ لَئِن لَّمْ يَنتَهِ عَنِ عِبَادَتِي نُغَسِّقْ رَءِيسَهُ فَيَتَدَلَّىٰ فِي سُحُوفٍ عُرَّةٍ أُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٧٨﴾﴾

Yang bermaksud :

“Allah berfirman:”Kalau demikian, keluarlah engkau (iblis) daripadanya kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang diusir. (78) “Dan sesungguhnya engkau ditimpa **Laknat-Ku** terus menerus hingga ke hari kiamat”.

Oleh itu, apabila dalam Hadis Nabi s.a.w tersebut, Rasulullah s.a.w bersabda dengan lafaz "**Laknat**" menunjukkan betapa besarnya kesalahan dan dosa perbuatan orang lelaki menyerupai dan berlagak perempuan itu dan juga betapa besar dosa pelaku kepada perbuatan itu di sisi Allah S.W.T.

Lafaz atau ucapan yang terbit dari lisan Nabi s.a.w itu pada hakikatnya datang dari Allah S.W.T sendiri sebagaimana firman Allah S.W.T dalam surah *al-Najm* ayat 3-4 iaitu :

﴿وَإِذْ يَقُولُ بِآيِهِ إِنَّهُ كَذَّابٌ ﴿٣﴾ وَإِذْ يَقُولُ بِآيِهِ إِنَّهُ كَذَّابٌ ﴿٤﴾﴾

Maksudnya :

“(3) Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. (4) Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur’an atau Hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadaNya”.

tidak lain hanyalah tipu daya semata-mata. (121) Mereka itu, tempat akhirnya ialah neraka Jahannam, dan mereka pula tidak akan dapat melarikan diri daripadanya”.

Mahkamah suka menegaskan bahawa Allah S.W.T telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik penciptaan. Manusia juga mempunyai bentuk fizikal yang terbaik berbanding dengan bentuk fizikal makhluk lain. Sudah menjadi ketentuan Tuhan, bahawa siapa yang diciptakan lelaki diberikan alat dan bentuk lelaki, dan siapa yang diciptakan perempuan diberikan alat dan bentuk perempuan. Dan masing-masing bentuk ini berlaianan, demikian juga penyerupaan dari segi mental dan fizikal tidak sama, yang menyebabkan kekuasaan dan kesanggupan suatu jenis dalam banyak hal sangat jauh bezanya dengan yang lain.

Meskipun tidak dapat dinafikan dalam sesetengah hal kesanggupan jenis yang satu melebihi jenis yang lain, namun dalam hal pokoknya yang lelaki tetap dengan cara kelelakiannya dan perempuan dengan keperempuannya. Akan tetapi, terdapat manusia yang tidak berpuashati dengan rupa dan bentuk yang Allah telah ciptakan untuknya. Manusia sebegini, sebahagiannya akan mengubah bahagian-bahagian tubuhnya badannya melalui pelbagai cara bagi memperolehi bentuk tubuh yang memuaskan hati mereka.

Mahkamah menegaskan bahawa yang dimaksudkan dengan penyerupaan itu adalah dalam gerak-geri dan keperibadian yang bertujuan untuk menipu orang lain, kerana betapa yang ditunjukkan oleh lelaki atau wanita itu tentang hal dirinya, namun dia tetap seorang lelaki atau wanita juga. Demikianlah dengan orang lelaki yang berlagak perempuan, berfoya-foya dengan menghiaskan badan sama seperti yang dibuat oleh orang perempuan, sehingga ada yang ingin menjadikan dirinya perempuan serta diperlakukan seperti yang diperlakukan terhadap perempuan. Apa sebabnya semua itu boleh berlaku, kalau tidak kerana dorongan nafsu yang jahat dan tunduk di bawah telunjuk syaitan sebagaimana yang disebut di dalam ayat al-Qur'an di atas tadi.

Lantaran itu, syariat Islam yang ingin melihat masyarakatnya terpelihara dari segala kekotoran ini telah melarang keras perlakuan-perlakuan serupa itu serta mengancam sesiapa pun yang cuba mengubah penciptaan Allah taala itu, dengan

ditimpakan kutukanNYA, iaitu suatu balasan yang paling berat ketika masih di dunia lagi dan di akhirat pula akan disediakan siksaNYA yang lagi dahsyat lagi.

Di dalam kes ini , OKT telah tidak mengendahkan larangan S.W.T tersebut, malah , OKT juga telah melakukan perbuatan yang dianggap melawan ketentuan Allah S.W.T dengan memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti seorang perempuan. Berdasarkan kepada fakta kes semasa tangkapan dibuat, Mahkamah berpendapat bahawa OKT adalah mempunyai motif untuk melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah S.W.T itu dan sekaligus mempunyai motif untuk melanggar larangan Allah S.W.T tersebut. Oleh yang demikian, hukuman kesalahan mengikut takzir adalah sangat patut dikenakan ke atas OKT.

Hukuman takzir bertujuan untuk memperbaiki, memberi pengajaran dan untuk menakutkan orang ramai (*zajr*) supaya tidak melakukan jenayah. Ia juga bertujuan untuk membersihkan masyarakat daripada perbuatan maksiat yang merosakkan. Bagi mencapai tujuan hukuman takzir ini, pertimbangan hukuman ke atas OKT dibuat berasaskan keadaan kesalahan yang dilakukan, rekod jenayah OKT, keadaan psikologi OKT dan juga cara pensabitan kesalahan yang dipertuduhkan ke atas OKT. Di dalam buku bertajuk, "*Hukuman dalam Undang-Undang Islam: Satu Kajian Perbandingan,*" terbitan terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia, cetakan pertama 1999, ada dinyatakan bahawa jenis-jenis hukuman takzir terdiri dari :-

1. teguran (*al-wa^cz*)
2. teguran tegas (*al-tawbikh*)
3. ancaman (*al-tahdid*)
4. pemuluan (*al-hajr*)
5. pendedahan di khalayak ramai (*al-tasyhir*)
6. denda dan merampas harta benda (*al-gharamah wal-musadarah*)
7. hukuman penjara (*al-habs*)
8. sebat (*al-jald*)
9. hukuman mati (*al-ta^czir bi al-qatl*)
10. ta'zir sebagai satu hukuman tambahan.

Walaupun begitu, perkara-perkara tersebut tidak diperuntukkan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Ta'zir (Terengganu) (2001) ini, sebaliknya hanya menetapkan 5 jenis hukuman iaitu amaran, denda, jaminan berkelakuan baik, ditahan di pusat pemulihan dan penjara sahaja tanpa sebarang pilihan lain. Oleh itu Mahkamah perlu membuat pertimbangan yang wajar agar hukuman yang dibuat adalah bersesuaian dengan kesalahan dan kedudukan OKT serta mampu untuk merealisasikan matlamat pencegahan, pengajaran dan pemulihan sebagaimana dalam konsep Takzir.

FAKTOR PEMBERATAN KETIGA : Mahkamah mengambil kira hujah pemberatan hukuman ke atas OKT oleh pihak Pendakwa berdasarkan fakta perlakuan kesalahan yang telah dilakukan oleh OKT.

Berdasarkan kepada fakta kes kesalahan OKT ini, terdapat beberapa perkara yang boleh dianggap salah satu faktor menjadikan kes ini adalah satu kes yang berat dan amat serius iaitu :

- i. **Waktu kejadian** - kejadian berlaku pada waktu lewat malam iaitu lebih kurang jam 11.30 malam atau kebiasaannya disebut waktu lewat malam. Pada waktu tersebut umat islam digalakkan bangun untuk melakukan solat sunnat Tahajjud dan memperbanyakkan sujud dan doa kepada Allah S.W.T, kerana waktu itu adalah antara waktu yang mustajab doa seseorang hamba kepada Allah S.W.T. Malangnya OKT pada masa dan keadaan tersebut sedang melakukan perbuatan mungkar yang amat dilarang oleh agama sebagaimana dalam fakta kes kejadian (P1).
- ii. **Tempat kejadian** – kejadian berlaku di kawasan Flat S.P Petani, Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu, Terengganu. Yang mana boleh dikatakan tempat ini adalah tempat awam dan tempat tangkapan ini dalam keadaan samar-samar dengan cahaya lampu jalan yang menjadikan tempat yang lazim pada pandangan manusia keadaan tempat yang boleh dijadikan tempat untuk melakukan perbuatan yang tidak bermoral daripada pandangan ramai. Bahkan tempat kejadian ini melihatkan OKT seorang berani dan sengaja menunjukkan kesalahan ini secara terang-terangan tanpa perasaan malu dan hormat kepada masyarakat Islam dan negeri Terengganu darul Iman

khususnya. OKT seolah-oleh mempromosikan perbuatan yang tidak bermoral ini, dan menawarkan perkhidmatan seks kepada masyarakat secara terbuka tanpa rasa gerun dan takut akan undang-undang yang ada di negeri Terengganu dan bala Allah SWT itu sendiri.

- iii. **Suasana Kejadian** – berdasarkan kepada fakta kes (P1) yang telah diakui benar oleh OKT sendiri, didapati wujud fakta dengan keadaan waktu tengah malam iaitu pada 11.30 malam, yang mana pada waktu ini suasana masyarakat baru untuk berehat di rumah masing-masing. Akan tetapi OKT memilih untuk melakukan perbuatan yang tidak bermoral dengan berlagak dan berpakaian seperti wanita di tempat yang terbuka. Pihak pendakwaan berpendapat bahawa unsur perbuatan orang lelaki memakai pakaian perempuan, berlagak seperti perempuan, di tempat awam dan di atas tujuan yang tidak bermoral benar-benar telah berlaku dalam kes OKT ini. Fakta ini dibuktikan melalui fakta kes (P1) yang menyebut bahawa OKT ketika ditahan dalam keadaan memakai baju tiub paras peha dan muka dalam keadaan bersolek manakala seorang lagi rakan OKT sempat melarikan diri.
- iv **Status diri OKT**- OKT adalah seorang yang telah berusia 21 tahun. Yang mana boleh dikata seorang yang muda dan selesai persekolahan di peringkat diploma di kolej.OKT seorang yang belum berkahwin dan masih di bawah jagaan ibunya.Seharusnya memikirkkan dengan baik dan matang agar tidak bertindak seperti ini iaitu berlagak seperti wanita di tempat awam di waktu tengah malam. OKT seharusnya menjaga nama baik dirinya dan keluarganya agar tidak mengundang kehinaan dan keaiban. Selain itu juga Pendakwa menyatakan bahawa OKT hendaklah dihantar di mana-mana pusat tahanan agar OKT lebih mendapat ilmu dan pengetahuan agar dapat membuat pertimbangan dan tindakan yang betul menepati undang-undang dan landasan agama Islam yang baik.OKT merupakan seorang anak kedua bongsu yang mana kemungkinan segala kasih sayang dan kemanjaan diberikan kepada OKT sehingga OKT hanyut dalam kelalaian dunia sehingga mampu dan berani untuk bertindak melakukan lelaki berlagak wanita dan berpakaian wanita yang menjolok mata di tempat awam.

FAKTOR PEMBERATAN KEEMPAT :Mahkamah memberi pertimbangan kepada hujah pihak Pendakwa bahawa keadaan diri OKT dan rayuan yang dibuat di dalam Mahkamah adalah tidak menampakkan bahawa OKT benar-benar insaf dan bertaubat atas kesalahannya.

Melalui pengamatan Mahkamah, keadaan dan perwatakan diri OKT adalah lebih banyak bersahaja ketika prosiding kes berjalan di dalam Mahkamah.Mahkamah tidak dapat melihat dengan jelas wujudnya riak keinsafan dan kesedaran pada OKT sepanjang prosiding kes berjalan. Walaupun begitu, semasa OKT membuat rayuan pengurangan hukuman ke atas dirinya, Mahkamah dapati wajah OKT sedikit berubah yang menampakkan kesedihan atas apa yang berlaku. Mahkamah dapati OKT lebih banyak membuat rayuan agar diringankan hukuman dan menyatakan kepada Mahkamah tentang keadaan dirinya dan kenapa hukuman itu perlu diringankan.Mahkamah sendiri mengambil inisiatif bertanya secara *inquisitorial* kepada OKT bagi tujuan mendapatkan gambaran keadaan OKT bagi tujuan pertimbangan dalam hukuman.

FAKTOR PEMBERATAN KELIMA : Mahkamah bersetuju dengan hujah pihak Pendakwa bahawa faktor kemaslahatan umum atau kepentingan awam terhadap satu-satu kesalahan yang dilakukan oleh pesalah juga hendaklah diambil kira, kerana kes-kes melibatkan keruntuhan moral dan akhlak serta pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan tanpa batasan amat banyak dilaporkan berlaku, begitu juga dengan masalah orang lelaki berlagak perempuan atau pun pondan. Akibat dari kejadian-kejadian serta situasi yang negatif itu telah menyebabkan berbagai-bagai kerosakan dan kemudharatan kepada agama, bangsa dan negara seperti kes *lesbian* dan *gay*, mengandung tanpa nikah, lahir anak tanpa nikah, bersekedudukan tanpa nikah, dan sebagainya.

Mahkamah suka menegaskan tujuan utama pelaksanaan hukuman takzir dalam syariat Islam ialah pencegahan dan pengajaran di samping pemulihan dan pendidikan.Di samping itu, terdapat berbagai-bagai tujuan lain lagi. Pencegahan ertinya mencegah pesalah dari mengulangi kesalahannya di samping mencegah orang lain juga dari melakukan perbuatan serupa itu. Oleh kerana pencegahan merupakan antara tujuan utama takzir, maka hukuman yang dibuat mestilah boleh

mencapai tujuan ini. Ianya mungkin berbeza di antara satu kes dengan satu kes yang lain kerana ada orang yang boleh dicegah melalui nasihat sahaja dan ada yang perlu dihukum.

Justeru, kerana kebanyakan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah sebelum ini adalah dalam bentuk denda, manakala hukuman penjara walaupun diperuntukkan namun ia amat jarang digunakan, telah menyebabkan matlamat pengajaran dan pencegahan yang dikehendaki oleh Islam tidak benar-benar tercapai. Ini kerana hukuman melalui pembayaran denda adalah terlalu ringan terutama bagi individu-individu yang berkemampuan dan nilai maksimum RM 1,000.00 adalah suatu nilai yang sedikit dalam pandangan dunia hari ini. Mahkamah juga melihat bahawa kadar hukuman yang dikanunkan bagi kesalahan ini sebenarnya tidak sepadan atau tidak setimpal dengan berat dan seriusnya kesalahan *Lelaki Berlagak Seperti Perempuan* yang menjadi salah satu daripada dosa-dosa besar bahkan pelakunya dilaknat oleh Allah. Justeru itu, faktor kadar hukuman juga menjadi penyebab kepada kurangnya timbul kesedaran, keinsafan atau takut terhadap pihak yang melakukan kesalahan dan sekaligus matlamat pencegahan kepada kemaslahatan awam tidak berjaya atau gagal memberi kesan. Melalui pengamatan Mahkamah sendiri, kes-kes yang melibatkan kesalahan Khalwat dan Perbuatan Persediaan Melakukan Persetubuhan Luar Nikah dan kemungkinan berlaku Zina sebenarnya tidak pernah berkurang, bahkan berdasarkan bilangan kes, semakin bertambah dan menunjukkan keadaan masyarakat Islam Melayu di negeri Terengganu ini masih lagi belum mempunyai tahap kesedaran atau keimanan yang sepatutnya yang boleh menghalang mereka dari melakukan perbuatan yang tidak bermoral dan bercanggah dengan hukum Syara' itu. Keadaan itu menjadi semakin parah dan buruk apabila timbul pula masalah lelaki berlagak perempuan seperti dalam kes ini semakin meruncing, kerana ia menyumbang kepada bertambahnya gejala sosial dan penyakit moral dalam masyarakat. Oleh itu, suatu hukuman yang sewajarnya perlu ditimbang dalam kes ini bagi memastikan matlamat tersebut boleh dicapai.

Saya juga ingin menarik perhatian masyarakat awam dengan membuat perbandingan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sivil dimana saya berpendapat sebenarnya hukuman yang dijatuhkan oleh kebanyakan Mahkamah

Syariah masih terlalu kecil jika hendak dibandingkan dengan jenis kesalahan yang dilakukan. Bahkan suka saya menyebutkan beberapa kes mutakhir di Mahkamah Sivil yang mana Y.A Hakim telah menjatuhkan hukuman denda yang tinggi dan turut menjatuhkan hukuman penjara dalam kesalahan-kesalahan yang kadang-kadang dianggap kecil tetapi sebenarnya mempunyai implikasi sosial yang besar seperti kesalahan mencuri di pasar raya, memecahkan telefon awam, membuat panggilan palsu kepada pihak Polis, Bomba dan sebagainya.

Saya berpendapat hukuman-hukuman penjara yang dikenakan oleh Mahkamah Sivil di atas walaupun kadar kesalahannya pada pandangan umum tidaklah begitu berat, adalah lebih kepada faktor kepentingan Awam atau kemaslahatan umum. Ia lebih kepada maksud atau matlamat untuk memberi peringatan dan menimbulkan rasa takut kepada pesalah tersebut dan juga semua masyarakat umum di luar sana agar tidak melakukannya. Ini kerana perbuatan atau kesalahan-kesalahan tersebut walaupun kelihatan seperti kecil atau remeh, tetapi akibat dari perbuatan tersebut adalah amat besar dan serius kepada kemaslahatan awam dan negara iaitu boleh menimbulkan kecelaruan, ke huru-haraan, perasaan takut dan tidak aman serta menyusahkan banyak pihak. Oleh itu, Saya berpendapat suatu hukuman yang sewajarnya perlu ditimbang dalam kes ini bagi memastikan matlamat kepentingan awam tersebut boleh dicapai.

FAKTOR PERINGANAN KES/HUKUMAN

Beberapa faktor yang boleh diambil kira oleh Mahkamah bagi meringankan hukuman yang akan dijatuhkan ke atas OKT dalam kes ini iaitu :

FAKTOR PERINGANAN PERTAMA : Pengakuan Bersalah OKT - Pengakuan bersalah atau *iqrar* yang dibuat oleh OKT memberikan satu gambaran atau *qarinah* kepada Mahkamah bahawa OKT benar-benar mengetahui dan memahami tentang kesalahan yang telah dilakukan dan juga menunjukkan OKT benar-benar sedar bahawa dirinya adalah bersalah kerana melakukan kesalahan tersebut. Sekiranya tidak wujud perkara tersebut, sudah tentu OKT tidak membuat pengakuan bersalah kerana implikasi dari pengakuan bersalah itu OKT boleh dan akan dikenakan hukuman yang sewajarnya sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang. Pengakuan bersalah OKT juga dilihat sebagai satu faktor

peringanan kerana ia dapat membantu Hakim membuat keputusan dengan lebih yakin, menjimatkan masa Mahkamah dengan menjadikan pengendalian kes lebih singkat dan memberi peluang kepada Pendakwa menumpukan perhatian keada kes-kes yang lebih berat dan serius.

Walaupun begitu, pengakuan bersalah dalam kes-kes Jenayah Syariah terutama jenayah Hudud dan Qisas sebenarnya tidak memberikan apa-apa kesan dalam konteks peringanan hukuman ke atas pesalah bahkan pengakuan salah adalah kaedah pembuktian yang terbaik dalam mensabitkan sesuatu kesalahan dan membuat hukuman. Ini kerana di dalam jenayah HUDUD ia melibatkan Hak ALLAH dan tidak ada budi bicara pertimbangan dalam hukuman tersebut tetapi boleh diketepikan apabila wujud keraguan. Manakala dalam jenayah QISAS pula ia melibatkan Hak HAMBIA dan belas ihsan dan pengampunan dari pihak atau keluarga pihak yang teraniaya itu akan diambilkira dalam melaksanakan hukuman.

Manakala jenayah takzir adalah merangkumi hak-hak Allah dan hak-hak hamba dan memperuntukkan hukuman yang tertentu dan juga tidak terhad, sebaliknya diberikan ruang kepada Pemerintah untuk mengenakan hukuman yang sesuai kepada pesalah yang melakukan kesalahan setelah diambil kira beberapa faktor dan matlamat takzir itu sendiri. Oleh itu, pengakuan bersalah yang dibuat oleh OKT ini boleh diambil kira oleh Mahkamah ini untuk dijadikan satu asas bagi tujuan meringankan hukuman ke atas OKT dengan pandangan dan dapatan bahawa OKT benar-benar tahu dan sedar bahawa dirinya adalah bersalah kerana melakukan perbuatan yang diharamkan oleh Allah S.W.T.

FAKTOR PERINGANAN KEDUA: Pernyataan Bertaubat – Saya dapati bahawa , OKT semasa membuat rayuan peringanan hukuman (*mitigation*) adalah dalam keadaan yang lebih mirip kepada sikap bersahaja dan Mahkamah tidak nampak riak wajah setiap OKT yang menggambarkan bahawa OKT benar-benar telah merasa sedar dan insaf serta bertaubat atas perbuatan salah yang telah dilakukan olehnya itu. OKT dalam rayuannya antara lain menyebut perkataan ;

“Saya mohon hukuman ke atas saya diringankan”

Walaupun begitu, tidak ada pernyataan dari OKT yang boleh menggambarkan maksud bahawa OKT benar-benar telah insaf dan bertaubat serta merasa teramat

malu di atas perbuatan yang dilakukan itu. Begitu juga keadaan perwatakan OKT sepanjang prosiding kes berjalan selain semasa membuat rayuan peringanan hukuman, Saya dapati keadaan OKT tidak menampakkan bahawa OKT benar-benar telah menginsafi akan kesalahannya itu. Oleh itu, Saya berpendapat faktor peringanan kedua ini perlu diberi penilaian dan dihalusi dengan sebaiknya untuk pertimbangan yang sewajarnya oleh Mahkamah ini bagi tujuan peringanan hukuman ke atas OKT.

FAKTOR PERINGANAN KETIGA : Kesalahan Kali Pertama – Saya berpuashati berdasarkan rekod Mahkamah sendiri dan tidak ada sebarang kenyataan dibuat oleh pihak Pendakwaan, bahawa kesalahan ini merupakan kesalahan yang pertama , OKT dari sudut OKT didakwa di Mahkamah dan disabitkan bersalah dengan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Ta'zir (Terengganu) (2001). Fakta ini boleh membantu Mahkamah dalam mempertimbangkan hukuman ke atas OKT dengan mengambil kira bahawa OKT bukanlah seorang yang seringkali bergelumang dengan kesalahan dan maksiat dan kemungkinan untuk OKT memperbaiki kesilapan yang dilakukan olehnya itu adalah besar.

Dalam konteks jenayah Syariah HUDUD dan QISAS, kaedah kesalahan kali pertama tidak memberi apa-apa kesan dari sudut peringanan hukuman ke atas pelakunya kerana hukumannya telah pun ditentukan kadarnya secara nas. Manakala dalam kes jenayah Ta'zir pertimbangan dan budi bicara pemerintah diberikan seluasnya. Berdasarkan tiadanya rekod jenayah terdahulu oleh OKT-OKT, maka Mahkamah merekodkan bahawa OKT-OKT dalam kes ini bukanlah tergolong dari kalangan "*habitual offender*". Oleh itu, faktor kesalahan kali pertama boleh diberikan pertimbangan setakat mana OKT itu dalam pandangan Mahkamah boleh diberi peluang serta berpeluang untuk memperbaiki dan memperbetulkan syakhsiah dirinya dan setakat mana OKT boleh mengambil pengajaran dari kesalahan pertama yang dilakukan dengan mengambilkira watak, latar belakang, umur, tahap kesihatan, hakikat berat atau ringannya sesuatu kesalahan tersebut.

FAKTOR PERINGANAN KEEMPAT : Taraf Perkahwinan – Saya dapati , OKT dalam kes ini berusia 21 tahun dan statusnya masih belum berkahwin dan belum pernah berkahwin sebelum ditangkap dan juga ketika kes ini didengar. Oleh itu, OKT adalah

seorang yang masih mentah dan baru meningkat usia remaja, yang mana di peringkat usia itu penuh dengan berbagai cabaran dan dugaan hidup terutama berkait dengan perasaan dan keinginan keremajaan serta dorongan seksualiti. Di peringkat usia begini OKT telah terlibat dengan perbuatan yang tidak bermoral dan dengan statusnya yang masih belum berkahwin sampai sekarang, kemungkinan untuk OKT sekali lagi terlibat dengan perkara yang hampir sama adalah besar kerana keadaan persekitaran semasa yang ada kadang-kadang boleh mendorong ke arah itu. Melainkan OKT benar-benar insaf dan bertaubat dan benar-benar berikrar tidak akan mengulangi perkara itu.

Faktor peringanan keempat ini juga boleh diambilkira oleh Mahkamah dalam mempertimbangkan peringanan hukuman ke atas OKT kerana menjadi satu kaedah hukum di dalam jenayah Islam bahawa pesalah yang telah berkahwin (*muhson*) hukuman adalah lebih berat berbanding dengan yang belum berkahwin (*ghayr muhson*). Begitu juga dengan amalan ibadat bagi individu yang telah berkahwin adalah lebih besar pahalanya dari individu yang belum berkahwin. Oleh itu, faktor status OKT yang belum berkahwin ketika kesalahan ini dilakukan boleh diberi pertimbangan oleh Mahkamah ini.

FAKTOR PERINGANAN KELIMA : Taraf OKT di Mata Masyarakat – Saya dapati OKT sepanjang prosiding kes ini berjalan tidak menyatakan kepada Mahkamah secara lebih lanjut apakah kedudukan sosial OKT pada masa ini. Hal ini berkemungkinan OKT mahu menyembunyikan kedudukannya itu. OKT cuma pada peringkat rayuan ada menyatakan tentang kerja masing-masing sahaja. Oleh itu, Saya berpendapat bahawa OKT sendiri tidak mahu mendedahkan kepada Mahkamah status sosial dirinya yang sebenar. Justeru itu, Saya berpendapat faktor ini tidak perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh Mahkamah dalam proses membuat hukuman ke atas OKT.

FAKTOR PERINGANAN KEENAM : Kesan Hukuman Terhadap OKT – Oleh kerana OKT sendiri tidak menyatakan kepada Mahkamah tentang status sosial dan latar belakang dirinya, Saya berpendapat bahawa OKT sebenarnya seolah-olah bersedia untuk menerima sebarang hukuman dari Mahkamah di atas kesalahan yang telah dilakukan olehnya itu. Apa yang menjadi perhatian utama Mahkamah dalam

membuat hukuman ialah matlamat hukuman takzir iaitu untuk memberi kesedaran, keinsafan, pemulihan dan juga pencegahan boleh dicapai sama ada kepada pesalah itu sendiri secara khusus dan kepentingan awam yang lain secara umum.

Apa yang pasti, Mahkamah hendaklah memastikan bahawa hukuman ke atas OKT ini boleh menimbulkan satu perasaan gerun dan rasa berat bertanggung ke atas jiwa OKT yang boleh menyedarkannya dan dalam masa yang sama boleh mencegah serta menghalang OKT dari mengulangi kesalahan yang serupa pada masa akan datang. Hukuman tersebut juga boleh memberikan kesan yang hampir sama kepada masyarakat Islam yang berada di dalam dewan Mahkamah ini pada hari ini dan juga yang berada di luar sana yang memerhatikan dan tahu tentang kes ini.

RUMUSAN MAHKAMAH

Mahkamah perlu membuat pertimbangan yang sewajarnya di antara dua kategori faktor yang boleh memberatkan dan juga yang boleh meringankan hukuman ke atas OKT ini agar hukuman yang dijatuhkan ke atas OKT benar-benar boleh mencapai matlamat yang dimaksudkan dalam Jenayah Syariah Takzir.

Di akhir penghakiman ini, suka Mahkamah mengemukakan prinsip hukuman yang dibincangkan di dalam satu kes sivil klasik yang menjadi panduan yang dipakai oleh Mahkamah Sivil Malaysia dalam soal ini iaitu kes *common law* Inggeris, R v Kenneth John Ball [1951] 35 Cr App R 164. Dalam kes ini, *Hakim Hilberg* mengatakan;

“Undang-undang kita, oleh kerana itu, tidak menetapkan hukuman tertentu untuk sesuatu jenayah, tetapi menetapkan hukuman maksimum dan membiarkannya kepada Mahkamah untuk memutuskan apa hukumannya dalam lingkungan maksimum itu, hukuman yang setimpal untuk tiap-tiap satu jenayah mengikut keadaan tertentu sesuatu kes...Adalah kerana sebab itu, dan dengan pertimbangan tujuan-tujuan ini, bahawa sebelum hukuman dijatuhkan Mahkamah telah biasa dengan keterangan yang didengar sebelumnya dan perwatakan tiap-tiap seorang yang didapati bersalah....Latarbelakang, hal sebelumnya dan perwatakan tertuduh dan keseluruhan gaya dan tingkah lakunya di dalam Mahkamah boleh menunjukkan ada peluang baginya berubah sekiranya kemurahan atau kelembutan hati (leniency) dapat dipanjangkan kepadanya, sebaliknya

mungkin terlihat bahawa suatu pengajaran yang perit lebih sesuai diberikan kepadanya untuk menghentikan kerjaya jenayahnya”.

{ ULASAN MAHKAMAH BAGI KES OKT BAGI MENGENAKAN HUKUMAN KE ATAS OKT }

Mengambil kira prinsip-prinsip yang dibentangkan di dalam kes di atas, Saya berpendapat, sebelum sesuatu bentuk hukuman hendak diputuskan, Mahkamah wajar memberikan keutamaan kepada kepentingan awam dan kemudiannya mengimbangnya berpandukan fakta sesuatu kes. Berdasarkan kepada alasan penghakiman yang dinyatakan di atas juga, Saya berpendapat bahawa prinsip hukuman yang bertujuan untuk mewujudkan ingatan yang menakutkan (*zajr*) atau memberi pengajaran kepada OKT dan masyarakat di luar sana sama ada yang meneliti kes ini atau sebaliknya perlu diambil kira sewajarnya, dan setelah unsur-unsur di atas diperhalusi, Saya berpendapat Mahkamah setelah membuat pertimbangan yang sewajarnya ke atas keseluruhan kes OKT ini, faktor peringanan hukuman kurang dapat dipertimbangkan kepada kesemua OKT dengan asas dan dapatan bahawa ;

Pertama, OKT sebagai seorang Islam semasa melakukan kesalahan itu mengetahui bahawa tindakannya itu adalah salah dan mengetahui risiko dan bahaya yang menyimpannya jika melakukan kesalahan;

Kedua, fakta kes melibatkan kesemua OKT adalah satu fakta kejadian yang serius untuk kesalahan perbuatan orang lelaki berlagak perempuan iaitu kejadian di sekitar Flat S.P Petani, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu, pada jam 11.30 malam iaitu waktu lewat malam dan pada masa kejadian OKT berpakaian perempuan dan muka disolek seperti seorang perempuan, kemudian berada di kawasan awam dalam keadaan boleh mendorong masyarakat melakukan perbuatan yang tidak bermoral akibat dedahan pakaian dan solekkan seperti wanita yang menjolok mata dan mengundang kepada perbuatan maksiat ;

Ketiga, tidak tampak dengan jelas wujud riak penyesalan dan keinsafan dalam diri OKT atas kesalahan yang telah dilakukan, malah kejadian tersebut dalam pandangan Mahkamah kurang memberikan kesan kesedaran terhadap kesemua OKT yang dalam kategori orang muda ini.

Keempat, sungguhpun peluang mitigasi diberikan dan Mahkamah telah menilai secukup-cukupnya faktor mitigasi yang dikemukakan OKT. OKT tidak menggunakan peluang rayuan yang diberikan bagi meyakinkan Mahkamah apa yang perlu dipertimbangkan berkaitan dengan dirinya sebelum hukuman dijatuhkan, dan sebagai suatu pengajaran kepada kesemua OKT dan masyarakat Islam amnya agar tidak mendekati dan seterusnya menjauhkan diri dari kesalahan ini.

Kelima, Mahkamah juga mengambilkira kepentingan umum bahawa perbuatan kesalahan Orang Lelaki Berlagak Perempuan ini merupakan antara gejala sosial yang menyumbang kepada keruntuhan moral dan akhlak, keruntuhan rumahtangga dan institusi kekeluargaan, wujud budaya sonsang dan pondan, timbul penyakit-penyakit yang serius dan pelbagai kemudharatan yang lain, yang semuanya mengundang kemurkaan Allah S.W.T, adalah lebih utama berbanding pertimbangan kemudharatan peribadi yang ditanggung oleh OKT.

Mahkamah juga berpendapat dan menegaskan bahawa tidak sepatutnya kesalahan *Orang Lelaki Berlagak Perempuan* ini wujud atau berlaku di negeri Terengganu ini kerana majoriti (93%) penduduk negeri ini adalah orang Melayu yang beragama Islam, yang mana mereka tahu dan beriman bahawa perbuatan *Orang Lelaki Berlagak Perempuan* itu adalah perbuatan yang haram di sisi agama. Apabila tangkapan dibuat ke atas OKT kerana melakukan perbuatan *Orang Lelaki Berlagak Perempuan* di dalam sebuah premis hiburan, menunjukkan bahawa OKT-OKT mempunyai motif untuk melakukan perbuatan itu dan keadaan ini perlu dibendung secara akar umbi.

Mahkamah juga menegaskan menurut Hukum Syara', seseorang lelaki yang berlagak atau berpura-pura menjadi perempuan dan juga sebaliknya, ia tidak membuatkan seseorang itu berganti status gendernya dari kaca mata Syariah, walaupun ada sebahagiannya yang sampai ke peringkat melakukan pembedahan pertukaran jantina, kerana perbuatan berlagak dan pembedahan tersebut hanyalah bersifat kosmetik luaran sahaja. Oleh sebab itu, status seseorang itu tetap lelaki walaupun suaranya, bentuk tubuh, kulit dan seterusnya lebih mirip kepada wanita.

Dari sudut perubatan, golongan ini boleh digolongkan dalam kelompok yang mengalami masalah psikologi kerana naluri mereka jauh bertentangan sifat jasmani mereka. Dalam hal ini mereka terlalu berkeinginan untuk menjadi wanita dan menaruh kebencian terhadap identiti kekelakian yang mereka miliki. Walaupun begitu, sebagai seorang Islam yang beriman kepada Allah S.W.T, beriman dengan Nabi dan kitab-kitabNya, sayugialah kita melihat perbuatan tersebut mengikut kaca mata syariat agama Islam yang menetapkan bahawa perkara tersebut adalah suatu perbuatan mungkar dan dosa besar serta membawa kepada kemudharatan yang lebih besar dunia dan akhirat. Sekiranya kita menerimanya sebagai suatu perkara yang normal dan sebagai perbuatan yang *legal*, maka kita telah membuat sesuatu yang berlawanan dengan syariat agama Islam itu sendiri.

Justeru itu, Mahkamah berpendapat pihak yang berwajib perlu menyediakan pusat-pusat tertentu bertujuan untuk memberikan kesedaran, bimbingan, nasihat dan didikan agar golongan-golongan lelaki yang berkecenderungan seperti perempuan dan yang sebaliknya, dapat diperbetulkan keadaan dan syakhsiah diri mereka sebagaimana yang Allah S.W.T telah ciptakan mereka. Melawan fitrah dan ketentuan kejadian Tuhan adalah suatu perkara yang amat besar salahnya di sisi agama dan mengundang kepada berbagai-bagai situasi negatif yang berbagai-bagai lagi.

Oleh kerana itu, mengenai golongan pondan yang jelas-jelas mereka adalah lelaki, sewajibnya kita melayan mereka sesuai dengan adab etika lelaki dewasa. Selain itu, pergaulan mereka dengan wanita sama sahaja sebagaimana adab pergaulan lelaki dengan wanita yang lain. Wanita tetap tidak boleh berdua-duaan tanpa mahram di tempat yang memungkinkan fitnah, *ikhtilat*(pergaulan lain jantina), sentuhan kulit, membuka aurat dan seterusnya begitu jugalah dengan golongan pondan ini. Orang yang melakukan perbuatan *takhannus* ini adalah melakukan dosa besar kerana kesongsangan gender/jantina yang menyerupai wanita.

Justeru itu, Mahkamah berpendapat hukuman yang patut dikenakan ke atas setiap OKT setelah Mahkamah mengambilkira semua pertimbangan yang wajar dalam kes setiap OKT, setelah Mahkamah mengambilkira kesesuaian ke atas setiap OKT secara peribadi, *bagi kesalahan kali pertama*, latarbelakang diri dan kesan hukuman

serta peluang bagi setiap OKT, mengambilkira kepentingan umum bahawa hukuman yang dikenakan bukan sahaja menginsafkan OKT agar tidak mengulangi kesalahannya bahkan berharap pengajaran juga dirasai oleh masyarakat awam yang lain. Mahkamah berpendapat dan menetapkan hukuman kepada kesemua tiga orang OKT dengan hukuman berbentuk denda atau juga penjara. Oleh itu, berdasarkan kepada alasan penghakiman yang diberikan di atas, Mahkamah membuat hukuman ke atas OKT dengan hukuman-hukuman berikut ;

HUKUMAN MAHKAMAH KE ATAS OKT :

KEPUTUSAN :

1. **SAYA SABIT** Orang Kena Tuduh, **XYZ, KP : 930808-11-XXXX** bersalah atas pengakuan salah tertuduh sendiri atas kesalahan lelaki berlagak perempuan sepertimana di bawah seksyen 33 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001.
2. **SAYA HUKUM** Orang Kena Tuduh, **XYZ, KP : 930808-11-XXXX** dengan hukuman denda sebanyak **RM 500 dan 1 bulan** penjara atau tambahan 1 bulan penjara jika gagal membayar denda.
3. Hukuman berkuatkuasa mulai hari ini.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, Terengganu pada hari ini 21 Syawal 1437 Hijrah, bersamaan 26 Julai 2016.

METERAI

HAKIM SYARIE